

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERTANDINGAN REKA BENTUK
PRODUK & AUTOMATIF FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI
AYER KEROH. MELAKA

TARIKH :
01 NOVEMBER 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PENUTUP PERTANDINGAN REKA
BENTUK PRODUK & AUTOMATIF FAKULTI
KEJURUTERAAN MEKANIKAL PADA 01 NOVEMBER
2006, JAM 3.30 PETANG BERTEMPAT DI KAFETERIA
KAMPUS INDUSTRI, KUTKM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,
TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGGOMERSILAN / INOVASI)

Y. BHG PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

WAKIL-WAKIL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI
MELAKA,

SEMUA STAF DAN PELAJAR KUTKM YANG
DIHORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA
MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE
HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN DAN
KURNIANYA KITA DAPAT SAMA-SAMA BERKUMPUL
PADA PETANG INI UNTUK MENYEMPURNAKAN

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERTANDINGAN REKA BENTUK & AUTOMOTIF FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2006.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA SEMUA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT SERTA SELAMAT HARI DEEPAVALI KEPADA KAUM INDIA YANG HADIR PADA MAJLIS INI.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN SELAMAT DATANG KE KUTKM KEPADA TETAMU DARI KALANGAN STAF DAN PELAJAR DARIPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI LAIN DI MELAKA YANG TELAH SAMA-SAMA MEMERIAHKAN MAJLIS PADA HARI INI.

MEREKA ANTARANYA IALAH STAF DAN PELAJAR DARIPADA POLITEKNIK MELAKA, PUSAT MATRIKULASI, UNIVERSITI MULTIMEDIA, INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA, INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG, SEMOGA KITA AKAN DAPAT MENGADAKAN PROGRAM SEBEGINI SECARA BERSAMA PADA MASA AKAN DATANG.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PERTANDINGAN REKA BENTUK PRODUK DAN AUTOMOTIF INI DIADAKAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMPAMERKAN BAKAT-BAKAT REKA BENTUK YANG ADA PADA PARA PELAJAR DI FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL KHUSUSNYA BAGI MEREKA YANG MENGAMBIL MATA PELAJARAN PENSTAILAN AUTOMOTIF, REKA BENTUK KREATIF, DAN REKA BENTUK INDUSTRI.

DALAM KEJURUTERAAN SELAIN DARIPADA SESUATU REKA CIPTA ITU DAPAT BERFUNGSI, IA JUGA MESTILAH MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN ASPEK ASTETIKA DAN ERGONOMIK UNTUK KELIHATAN MENARIK DAN SELESA APABILA DIGUNAKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PADA TAHUN 2005 YANG LEPAS, FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL TELAH PUN MENGANJURKAN PERTANDINGAN INI BUAT KALI PERTAMA DENGAN PENYERTAAN PELAJAR SERAMAI 170 ORANG IAITU MELIPUTI MEREKA YANG MENGAMBIL MATA PELAJARAN SEPERTI REKA BENTUK KREATIF, REKA BENTUK PEMBUATAN, REKA BENTUK INDUSTRI, DAN BENGKEL AUTOMOTIF.

KALI INI ADALAH KALI KEDUA PROGRAM INI DIANJURKAN DENGAN PENYERTAAN SERAMAI 180 ORANG PELAJAR. JUSTERU, KITA MENGHARAPKAN AGAR ADA PENAMBAH BAIKAN DAPAT DICAPAI OLEH PARA PELAJAR YANG MENYERTAI PERTANDINGAN KALI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA PENEKANAN TERHADAP BIDANG REKA BENTUK AMATLAH MUSTAHAK TERUTAMANYA DALAM USAHA NEGARA UNTUK MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU MENJELANG TAHUN 2020. KEMAJUAN INI INSYAALLAH AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN LEBIH CEPAT DAN MAMPAN LAGI DENGAN ADANYA INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGARA YANG MENGAJAR DAN MELATIH TENAGA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR SERTA PROFESSIONAL DALAM PELBAGAI BIDANG TEKNIKAL.

DALAM KONTEKS INI KUTKM SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENJADI PENYUMBANG TIDAK SAHAJA DALAM MELAHIRKAN TENAGA KERJA PROFESSIONAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TETAPI JUGA DALAM BENTUK ILMU-ILMU DAN KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN DENGAN REKA BENTUK. OLEH YANG DEMIKIAN PARA AHLI AKADEMIK KUTKM PERLU MENGGIATKAN LAGI USAHA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN REKA BENTUK PRODUK DAN AUTOMOTIF SUPAYA KITA SENTIASA DAPAT MEMBERI IDEA-IDEA YANG BAIK DALAM BIDANG INI.

BIDANG REKA BENTUK DAN AUTOMOTIF ADALAH BIDANG TERAS YANG MENYOKONG KEPADA *NICHE AREA* UNIVERSITI. KREATIVITI DALAM REKA BENTUK SAMA ADA PRODUK MAHUPUN AUTOMOTIF ADALAH AMAT PENTING. PENAMBAH BAIKAN DAN PERUBAHAN REKA BENTUK DALAM PRODUK DAN AUTOMOTIF DARI SEMASA KE

SEMASA AKAN MENINGKAT DAN MEMPERBAHARUI PERMINTAAN PENGGUNA KE ATAS BARANG-BARANG TERSEBUT. INI KERANA PENGGUNA SENTIASA MEMPUNYAI KEINGINAN UNTUK MELIHAT PEMBAHARUAN DAN KEMAJUAN DEMI MENCAPAI KEPUASAN DAN KESELESAAN TERHADAP SESUATU BARANGAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DI KUTKM INI ILMU-ILMU BERKAITAN REKA BENTUK DISAMPAIKAN DENGAN PELBAGAI KAEDAH IAITU MELIPUTI TEORI-TEORI, KAJIAN-KAJIAN KES, DAN JUGA PENGGUNAAN PELBAGAI PERISIAN KOMPUTER. DI ANTARA PERISIAN YANG DIGUNAKAN IALAH *AUTOCAD*, *SOLID WORK*, *CATIA*, DAN *ALIAS*.

DALAM PERANCANGAN , KITA JUGA AKAN MEMBELI LEBIH BANYAK KOMPUTER DAN PERISIAN TERMASUKLAH *BRICSCAD* YANG HAMPIR SAMA KEBOLEHANNYA DENGAN *AUTOCAD*. PERISIAN-PERISIAN INI BANYAK DIGUNAKAN SECARA MELUAS DI PELBAGAI INDUSTRI DI MALAYSIA. UMPAMANYA PERISIAN *CATIA* MERUPAKAN PERISIAN LUKISAN *DE FACTO* DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF DAN AERONAUTIK DI DUNIA. JADI SEPATUTNYA PARA PELAJAR BOLEH BEKERJA SENDIRI (*FREE-LANCING*) ATAU MENDAPAT PEKERJAAN YANG RELEVAN DENGAN LEBIH MUDAH TANPA ORGANISASI ITU PERLU MELATIH DENGAN BANYAK LAGI.

SELAIN DARIPADA PERISIAN, ADA JUGA MESIN-MESIN BERTEKNOLOGI TINGGI DAN CANGGIH TELAH DIBELI OLEH PIHAK UNIVERSITI MELALUI FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL UNTUK MELATIH BIDANG REKA BENTUK SEPERTI *FUSED*

DEPOSITION MACHINE (FDM) YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT PROTOTAIP.

KEMUDAHAN MAKMAL UNTUK PROGRAM AUTOMOTIF JUGA DALAM PROSES DITINGKATKAN TARAFNYA. SETAKAT INI MAKMAL YANG TELAH LENGKAP ADALAH BENGKEL ASAS AUTOMOTIF. KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ATAU SERVIS KENDERAAN SUDAH BOLEH DIAJARKAN KEPADA PARA PELAJAR. MAKMAL UJIAN PRESTASI ENJIN PULA DALAM PROSES DIBANGUNKAN DENGAN ALAT SEPERTI DINAMOMETER ENJIN YANG CANGGIH SEDANG DIPASANG.

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL AKAN MENUBUHKAN *DESIGN HOUSE* NYA SENDIRI YANG TURUT MEMBABITKAN SEMUA ASPEK REKA BENTUK DARIPADA LUKISAN, ANALISIS, PENGHASILAN MODEL DAN PROTOTAIP, UJIAN

PRESTASI, PENGHASILAN PRODUK SEBENAR HINGGALAH KEPADA PEMASARAN.

PUSAT SEBEGINI DIHARAPKAN DAPAT MEMBERIKAN PENDEDAHAN SEBENAR SECARA KOMPREHENSIF KEPADA PARA PELAJAR PROGRAM REKA BENTUK KHUSUSNYA TENTANG PEMBANGUNAN PRODUK SEBENAR. PERKARA SEPERTI INI INSYAALLAH DAPAT DIREALISASIKAN DENGAN KERJA SAMA JABATAN-JABATAN LAIN DAN PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ) LAIN TERMASUKLAH ADVANCED MANUFACTURING CENTER (AMC) YANG TELAH DITUBUHKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

PADA PROGRAM INI HADIRIN DAN HADIRAT TELAH MENGIKUTI SESI CERAMAH TEKNIKAL BERKAITAN REKA BENTUK DAN INDUSTRI AUTOMOTIF YANG

DISAMPAIKAN OLEH ENCIK HUSSIN JA'AFAR DARIPADA R & D DIVISION, PROTON. SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA TUAN PENCERAMAH KERANA SUDI BERKONGSI PENGALAMAN DAN ILMU BERSAMA KAMI. SEMOGA TAKLIMAT YANG DISAMPAIKAN TELAH MEMBERI BANYAK PENDEDAHAN DAN PENGETAHUAN KEPADA PARA PELAJAR.

JUGA TELAH DIADAKAN SATU SESI CERAMAH BERKENAAN PELUANG BELAJAR KEJURUTERAAN MEKANIKAL DI KUTKM OLEH PROF. MADYA IR. MUSTAFA AB KADIR. INI AMATLAH BAIK DAN BERSESUAIAN KERANA PARA PELAJAR DARIPADA INSTITUSI LAIN SEPERTI PELAJAR POLITEKNIK DAN MATRIKULASI SEMEMANGNYA BOLEH MENERUSKAN PENGAJIAN PADA PERINGKAT IJAZAH DI KUTKM. DI SINI, BUKAN SAHAJA PENGAJIAN PADA PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA DITAWARKAN. BAHKAN

JUGA PADA PERINGKAT IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN (PHD) TURUT DITAWARKAN KEPADA SESIAPA YANG LAYAK DAN BERMINAT.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN PROGRAM INI. DIHARAPKAN HADIAH-HADIAH DAN SIJIL DALAM PELBAGAI KATEGORI YANG DISEDIAKAN INI MENJADI PERANSANG KEPADA PARA PELAJAR UNTUK TERUS MENGASAHKAN BAKAT DALAM BIDANG REKA BENTUK DAN REKA CIPTA PADA MASA AKAN DATANG DEMI KEBAIKAN NEGARA.

SEKIAN, WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH,
ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.